

TINGKAH LAKU DEVIAN DALAM KALANGAN REMAJA DI SEMENANJUNG MALAYSIA BERDASARKAN FAKTOR PEMANTAUAN IBU BAPA, KOMUNIKASI IBU BAPA DAN RELIGIOSITI

Syazwana Aziz, Salina Nen, Suzana Mohd Hoesni & Jamiah Manap

syazwanaaziz@ymail.com

Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Kegagalan membentuk tingkah laku positif remaja akan menjadikan remaja terdedah dengan tingkah laku devian yang menyebabkan terjerumus dengan kesalahan undang-undang. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti kajian konsep berdasarkan kajian lepas bagi faktor-faktor yang menyebabkan peningkatan tingkah laku devian remaja di Semenanjung Malaysia. Faktor kurangnya pemantauan ibu bapa iaitu ibu bapa tidak mengambil tahu pergerakan aktiviti harian anak, tidak mengenali rakan anak dan terlalu memberi kebebasan kepada anak antara sebab remaja bebas terlibat dalam tingkah laku devian. Seterusnya, faktor komunikasi ibu bapa dan anak yang kurang baik turut menyumbang kepada tingkah laku devian remaja. Konflik yang timbul dalam komunikasi mengakibatkan anak-anak hilang kepercayaan kepada ibu bapa untuk berkongsi masalah mereka. Oleh demikian, remaja berasa selesa berkongsi masalah dengan rakan-rakan dan melepas tekanan dengan melibatkan diri dalam gejala sosial. Remaja percaya ibu bapa yang meluangkan masa untuk berkomunikasi dengan anak akan menimbulkan rasa kasih sayang dan dilindungi. Faktor religiositi iaitu kurangnya pengetahuan amalam agama menyebabkan mereka mudah terjebak dengan tingkah laku devian. Amalan dan pengetahuan agama perlu diterapkan oleh ibu bapa kepada anak-anak supaya mereka berfikiran matang untuk menentukan sesuatu tingkah laku itu positif atau negatif. Kesimpulannya, kesemua faktor di atas perlu dititik beratkan dalam perkembangan remaja agar remaja dapat mengelakkan diri terlibat tingkah laku devian.

Kata Kunci: Remaja, tingkah laku devian, pemantauan ibu bapa, komunikasi ibu bapa, religiositi

ABSTRACT

The failure of forming positive behaviour among adolescent will cause adolescent exposed to deviant behaviour that may lead to involved in coming crimes. The objective of this is to determine the concept used in the previous studies on the factors that causes deviant behaviour among adolescent in Malaysia. The lack parental monitoring who are not aware about their children's daily activities, not aware of their friends and provide unmonitored freedom to their children , are the contributing cause to adolescent indulging in deviant behaviour. Next, the lack of parental communication is also one of the factor that contribute to deviant behaviour among adolescent. Conflict in communication cause children may lose trust in their parents espacially when it comes to sharing their problems. Thus, children are more comforable to share their problems with their friends and to release stress by getting involved in social issues. Many believe that parents who spend time to communication with their children allow them to feel cared and protected. Beside that, the lack of religiosity also contribute to deviant behaviour among teenagers. Religious knowledge and practices should be inculcated by parents in their children in order to ensure that they think maturely and to determine whether the positive or negative behaviour. In conclusion, all the factors above has to be taken seriously in order to see positive development in the behaviour of adolescent.

Keywords: Adolescent, deviant behavior, parental monitoring, parental communication, religiosity

PENGENALAN

Golongan remaja adalah golongan yang berada dalam fasa perkembangan yang konflik iaitu transasi dari fasa kanak-kanak (0 hingga 9 tahun) ke fasa remaja (10 tahun hingga 21 tahun). Tahap perkembangan remaja bagi transisi kanak-kanak ke tahap remaja ini bermula seawal usia 10 hingga 12 tahun dan berakhir pada usia 18 hingga 22 tahun (Santrock 2008). Tempoh remaja melalui perubahan baru terhadap biologikal dewasa dan peranan sosial (seksual) serta kumpulan trait personaliti berdasarkan budaya adalah melambangkan kematangan bagi remaja lelaki dan perempuan (Ausubel, Montemayor & Svajian 1977).

Tokoh psikologi Erikson (1950) berpendapat, remaja mempunyai tugas untuk menyelesaikan konflik antara identiti dan keliru identiti iaitu dalam pembentukan identiti, ego remaja seharusnya berkemampuan menyusun kemahiran, keperluan, kehendak serta dapat menyesuaikan segala-galanya dengan kehendak masyarakat (Jas Laile Suzana 2002). Namun, bagi remaja yang gagal untuk mengenal pasti identiti diri menjadikan mereka hilang pertimbangan dalam membuat keputusan hidup berlandaskan norma kehidupan dan akhirnya terjerumus dalam tingkah laku devian. Tingkah laku devian remaja melibatkan remaja bersikap ganas, penyalahgunaan dadah, alkohol, ponteng sekolah, bergaduh, mencuri, merosakkan harta benda awam, menipu dan memandu tanpa kebenaran, memeras ugut dan tingkah laku seksual (Newman et al. 2008; Kaplan 1976).

Manakala, Puti Sari et al. (2011) menakrifkan tingkah laku devian remaja diukur daripada aspek kenakalan remaja, tingkah laku menghisap rokok, pengambilan alkohol, penyalahgunaan dadah, tingkah laku seksual luar nikah dan tingkah laku buang bayi serta berjudi (Rina et al. 2006). Berdasarkan definsi tingkah laku devian melalui kajian lepas, definisi tingkah laku devian yang berlaku dalam kalangan remaja melibatkan sebarang tingkah laku yang tidak mematuhi peraturan norma hidup masyarakat, tingkah laku yang boleh menyebabkan berlaku masalah sosial, tingkah laku yang memberi kesan negatif kepada kesihatan, tingkah laku yang menyebabkan kepada kematian serta tingkah laku yang menyebabkan remaja disabit bersalah dalam kes undang-undang.

Justeru itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji secara konseptual tingkah laku devian yang berlaku dalam kalangan remaja dan melihat faktor pemantauan ibu bapa, komunikasi ibu bapa dan religiositi antara penyebab tingkah laku devian remaja di Semenanjung Malaysia.

SENARIO TINGKAH LAKU DEVIAN DALAM KALANGAN REMAJA DI MALAYSIA

Tingkah laku devian yang diberi perhatian dalam kajian ini ialah tingkah laku devian. Tingkah laku devian (menyimpang), melibatkan dua bentuk utama iaitu fizikal dan verbal (Pepler 1988). Tingkah laku devian fizikal termasuklah ugutan secara fizikal atau kekerasan, menendang, memukul, menolak, mencederakan, membunuh, merogol serta mengambil atau memusnahkan barang milik orang lain dan tingkah laku devian berbentuk verbal pula meliputi pangilan nama yang tidak disukai, mengejek serta menyebarkan fitnah (Smith & Thompson 1991). Kesan yang timbul daripada remaja bertingkah laku devian adalah berdasarkan sifat harga diri yang rendah (Kaplan 1976). Kaplan dan Cheng (2000) menjelaskan indentiti tingkah laku devian terbahagi kepada dua perkara iaitu (1) individu yang melakukan perbuatan yang menyimpang dari norma masyarakat dan (2) menjadi subjek negatif yang telah dilabelkan oleh masyarakat. Individu bertingkah laku devian sering diperlihatkan tidak suka mengikut undang-undang dan kurang penerimaan terhadap undang-undang yang telah ditetapkan (Mullen & Nadler 2008).

Senario tingkah laku devian yang berlaku dalam kalangan remaja di Malaysia diperlihatkan berdasarkan peningkatan statistik penglibatan awal usia remaja sudah terjebak dengan tingkah laku devian diperakui daripada laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dari tahun (2011) sehingga (2016). Laporan JKM (2011) sehingga (2016) menunjukkan terdapat peningkatan kanak-kanak yang berumur 10 tahun sehingga 21 tahun yang terlibat dengan jenayah yang melibatkan kesalahan bersabit harta benda, bersabit dengan orang, Akta Kesalahan Kecil, melanggar syarat pengawasan, dadah, judi, senjata/ bahan api, lalu lintas, lari dari sekolah dan lain-lain. Jumlah peningkatan kanak-kanak yang terlibat dalam kesalahan mengikut umur adalah seperti Jadual 2.1

Jadual 2.1: Umur dikesan oleh JKM tahun 2011-2016

Jumlah Remaja Mengikut Umur Ketika Dikesan JKM 2011-2016					
Tahun	10-12	13-15	16-17	18-21	JUMLAH
2011	91	1,040	4,025	382	5,538
2012	64	1,250	4,312	394	6,020
2013	62	1,092	4,095	300	5,549
2014	57	1,067	3,697	332	5,153
2015	69	897	3,517	183	4,666
2016	68	975	3,651	192	4,886

Khalim (2014) yang telah menjalani kajian keseluruhan sekolah menengah yang berumur 13 sehingga 17 tahun di Malaysia pada tahun 2010, mendapat terdapat 6 kes besar yang sering dilakukan oleh pelajar. Kes salah laku yang paling tinggi dilakukan oleh remaja atau pelajar sekolah menengah ialah ponteng sekolah, diikuti, berkelakuan kurang sopan, jenayah, kenakalan, vandalism dan kelucahan. Kesemua kes ini menunjukkan pelajar melanggar peraturan sekolah kerana anggapan mereka apa yang dilakukan tidak menyalahi peraturan (Muhammed Sharif & Suria 2012). Jadual 2.2 adalah bukti 6 kes besar yang sering dilakukan oleh remaja.

Jadual 2.2: Jenis Kes dan bilangan pelajar terlibat

Jenis Kes	Bilangan Pelajar Terlibat
Jenayah	17,595
Ponteng Sekolah	19,545
Berkelakaun Kurang Sopan	18, 364
Kelucahan	3,031
Vandalism	5,212
Kenakalan	8,563

Selain itu, Laporan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) 2015 turut menunjukkan peningkatan remaja dalam tingkah laku devian melibatkan pengambilan dadah dari tahun 2013 sehingga 2015. Remaja berusia 20 hingga 24 tahun menunjukkan peningkatan paling ramai iaitu sebanyak 1,774 orang dari tahun 2013 hingga tahun 2015. Seterusnya remaja yang berumur 16 hingga 19 tahun seramai 501 orang dan golongan remaja awal 13 hingga 15 tahun jumlah peningkatan sebanyak 27 orang. Setiap peningkatan remaja dalam pengambilan dadah menunjukkan tahap peningkatan berterusan yang membimbangkan. Kajian Mohammad Nasir et al. (2015) mendapat 32.9 % remaja yang terlibat dalam tingkah laku devian pengambilan dadah disebabkan oleh melihat kawan menyalahguna dadah, merokok, bergaul dengan kawan menghisap ganja dan menghidu gam. Peningkatan statistik seperti di Jadual 2.3:

Jadual 2.3: Umur remaja yang terlibat dadah (AADK 2015)

Jumlah Remaja Mengikut Umur Dikesan AADK (2013-2015)			
Tahun	13 - 15	16 - 19	20 - 24
2013	18	874	3,212
2014	28	1,173	3,751
2015	45	1,375	4,986

Secara keseluruhannya, senario tingkah laku devian remaja yang berlaku di Malaysia melibatkan remaja yang berumur 10 tahun sehingga 24 tahun. Jenis tingkah laku devian yang dilakukan oleh remaja antaranya lari sekolah, salah guna dadah, merokok, berjudi, jenayah, kelucahan, vandalism, kenakalan, berkelakuan kurang sopan dan bersenjata api. Kesemua tingkah laku devian tersebut jelas menunjukkan perbuatan itu adalah tingkah laku yang negatif dan melanggar norma hidup masyarakat. Malahan, tingkah laku devian tersebut memberi kesan negatif yang berpanjangan terutamanya kepada remaja jika tingkah laku ini tidak dibendung.

FAKTOR-FAKTOR YANG MENYUMBANG KEPADA TINGKAH LAKU DEVIAN

Faktor risiko adalah sebab atau punca yang menyebabkan remaja terlibat dalam tingkah laku devian. Kajian lepas menunjukkan pelbagai faktor yang telah mempengaruhi tingkah laku devian dalam kalangan remaja. Faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku devian antaranya ialah faktor individual yang melibatkan tahap prenatal (bayi dalam kandungan 0-9 bulan), faktor sosial (struktur keluarga dan pengaruh rakan sebaya) dan faktor risiko komuniti yang melibatkan polisi sekolah (Shader 2001).

Selain itu, keadaan yang menjadi punca-punca kepada tingkah laku devian remaja melibatkan beberapa faktor iaitu faktor ekonomi dan sosial, faktor budaya, faktor perbandaran, faktor media, faktor pengecualian seperti masalah dalam hubungan sosial dan masalah krisis identiti, pengaruh rakan sebaya, identiti kenakalan remaja serta pesalah dan mangsa (*World Youth Report 2003*). James et al. (2005) menyokong kenyataan laporan ini kerana apabila remaja terlibat dengan tingkah laku devian seperti pengambilan alkohol dan hubungan seksual berisiko adalah bergantung kepada nilai asas hubungan remaja dengan keluarga dan pengaruh rakan sebaya. Justeru, faktor risiko yang telah dikenal pasti terhadap tingkah laku devian berdasarkan kajian lepas adalah melibatkan faktor sosial yang melibatkan hubungan keluarga, faktor komuniti, media massa, ekonomi, perbandaran, faktor budaya dan krisis identiti.

Lantaran itu, kajian ini berkecenderungan untuk menganalisis konsep beberapa faktor khususnya faktor keluarga yang memberi penumpuan terhadap pemantauan ibu bapa, komunikasi ibu bapa dan faktor religiositi yang menyebabkan berlaku peningkatan tingkah laku devian dalam kalangan remaja di Semenanjung Malaysia.

Faktor Pemantauan Ibu Bapa

Konsep bagi faktor pemantauan ibu bapa diberi perhatian dalam kajian ini kerana kegagalan ibu bapa memantau aktiviti harian anak-anak menjadikan mereka merasa bebas untuk mencuba melakukan sebarang tingkah laku devian dan mereka merasa lebih berkuasa untuk bertindak di luar batasan norma masyarakat. Menurut Norsimah et al. (2014), pemantauan ibu bapa ialah pengetahuan ibu bapa berkaitan aktiviti-aktiviti anak-anak di bawah jagaan mereka. Nurzatil Isma et al. (2015) mencadangkan kajian yang akan datang lebih memberi fokus terhadap peranan penting ibu bapa dalam memantau tingkah laku anak-anak.

Pemantauan ibu bapa yang diberi perhatian ialah jantina iaitu lelaki dan perempuan serta peringkat umur anak-anak (Garner et al. 2010). Pada peringkat umur, pemantauan ibu bapa terhadap anak-anak semakin berkurangan apabila mereka meningkat umur dewasa (Barnes et al. 2000). Misalnya Laporan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) (2016) membuktikan bahawa kanak-kanak yang berumur 10 tahun sehingga 21 tahun yang terlibat dengan jenayah yang melibatkan kesalahan bersabit harta benda, bersabit dengan orang, Akta Kesalahan Kecil, melanggar syarat pengawasan, dadah, judi, senjata/ bahan api, lalu lintas, lari dari sekolah diluluskan dan lain-lain. Statistik ini membuktikan bahawa ibu bapa perlu meningkatkan pemantauan terhadap anak-anak bermula dari anak-anak dilahirkan sehingga meningkat alam remaja. Malahan, didapati remaja lelaki dan perempuan menunjukkan peningkatan dalam tingkah laku devian apabila ketiadaan seliaan masa oleh ibu bapa (Barowski et al. 2003). Peningkatan umur yang berlaku dalam golongan remaja memerlukan pemantauan ibu bapa yang baik tanpa mengira jantina kerana pemantauan ibu bapa yang kurang menyebabkan remaja lelaki atau perempuan turut terlibat dalam tingkah laku devian.

Kurangnya pemantauan ibu bapa terhadap pergerakan aktiviti harian anak-anak menjadi remaja lebih mudah untuk mencari perhatian dengan cara yang negatif ketika berada di luar rumah. Menurut Muhwezi, Katahoire, Banura, Mugooda, Kwesiga, Bastien dan Klepp (2015) di bandar dan luar bandar di Uganda menyatakan dimensi pemantauan dan komunikasi yang negatif menyebabkan berlaku peningkatan tingkah laku devian dalam kalangan remaja. Oleh demikian, ibu bapa perlu membuat pemantauan yang lebih kepada pergerakan anak-anak, membina persekitaran baik supaya anak-anak selesa untuk memberitahu sebarang maklumat pergerakan harian mereka (Stattin & Kerr (2000).

Selain itu, Warr (1993) juga berpendapat berpendapat kekerapan ibu bapa meluangkan masa bersama anak-anak berlaku pengurangan penglibatan remaja dengan tingkah laku devian. Laird et al. (2003) juga bersetuju bahawa peningkatan masalah tingkah laku devian dikaitkan dengan kurangnya pengetahuan ibu bapa terhadap aktiviti anak mereka. Kajian ini menjelaskan bahawa pentingnya pemantauan ibu bapa dalam memerhati pergerakan anak-anak mereka (Luife et al. 2007). Jelas menunjukkan bahawa pemantauan ibu bapa terhadap aktiviti anak-anak mengenali rakan anak-anak boleh mengurangkan gejala tingkah laku devian dalam kalangan remaja.

Kesimpulannya, konsep pemantauan ibu bapa iaitu remaja yang kurang mendapat pemantauan ibu bapa akan berasa lebih bebas untuk melakukan kegiatan negatif di luar rumah mahupun di dalam rumah. Pemantauan ibu bapa adalah penting kerana anak-anak lebih berhati-hati untuk melakukan sebarang tingkah laku negatif kerana anak-anak merasa ibu bapa sedang mengawasi pergerakkan mereka. Oleh demikian, aktiviti anak-anak di luar rumah mahupun di dalam rumah lebih terjamin jika ibu bapa memantau dan mengambil tahu apa yang dilakukan oleh anak-anak meraka.

Faktor Komunikasi Ibu Bapa

Komunikasi ibu bapa dan anak dipengaruhi daripada gaya interaksi ibu bapa yang dipelajari berdasarkan tradisi asal keluarga, gaya komunikasi individu tersendiri serta komunikasi unik antara pasangan setelah membuat keputusan untuk menjadi ibu dan bapa (Pecchioni et al. 2005). Menurut Azizi et al. (2009) komunikasi merupakan proses penukarann dan penerimaan maklumat samada secara lisan ataupun bukan lisan dan dapat menghuraikan perhubungan antara individu dengan individu yang lain. Malahan anak-anak bukan sahaja meniru bahasa yang dituturkan oleh ibu bapa tetapi mereka turut mempelajari nilai moral serta bagaimana ibu bapa berinteraksi dengan individu yang lain (Azizi et al. 2009). Komunikasi antara faktor penting dalam mempengaruhi tingkah laku anak-anak kerana interaksi ahli keluarga adalah terbentuk daripada tradisi keluarga yang akan menjadi panduan kepada generasi akan datang.

Konsep bagi faktor lain dianggap kritikal dalam kajian ini ialah faktor komunikasi ibu bapa dengan anak yang negatif menjadikan remaja kurang berinteraksi dengan ibu bapa. Sejak kebelakangan ini, kebanyakan komunikasi atau pesanan ibu bapa kepada anak-anak lebih berasaskan pesanan yang berunsur ugutan, amaran dan penderaan verbal (*verbal abuse*) (Muhwezi et al. 2015). Menurut pandangan T. de Guzman dan Pohlmeier (2014) ibu bapa yang mendengar luahan dan menilai setiap idea dari anak-anak mampu untuk membentuk komunikasi ibu bapa dengan anak yang lebih efektif. Lytle et al. (1999) berpendapat lebih sesuai kajian seterusnya mengkaji komunikasi ibu bapa dengan tingkah laku devian remaja.

Masalah komunikasi dua hala antara ibu bapa dengan anak antara punca berlaku peningkatan dalam tingkah laku devian remaja. Bo Wang et al. (2013) menyatakan masalah dalam komunikasi ibu bapa dengan remaja menunjukkan hubungan yang signifikan terhadap delinkuansi, penyalahgunaan bahan dan tingkah laku seksual berisiko. Hal ini kerana perbincangan ibu bapa mungkin berbeza dengan pemikiran remaja, namun kekerapan komunikasi mampu meramal pengurangan karakter tingkah laku devian remaja (Ramos et al. 2006). Kenyataan ini turut menjelaskan bahawa kepentingan komunikasi dua hala antara ibu bapa dan anak (Luife et al. 2007). Komunikasi ibu bapa dengan anak yang tidak jelas menyebabkan anak-anak tidak peka dengan kata-kata ibu bapa, anak-anak mudah terpengaruh dengan kata-kata rakan sebaya dan akhirnya terjerumus dengan gejala sosial.

Kajian luar negara seperti kajian Mena et al. (2008) mendapati remaja di Hispanic yang memaklumkan penglibatan harian mereka menunjukkan tiada reaksi tingkah laku negatif, berkomunikasi positif tentang pengetahuan seksualiti dan anak perempuan lebih bersikap terbuka berkomunikasi tentang isu-isu moral. Remaja lebih berasa selesa untuk bercakap dengan ibu bapa jika ibu bapa mempunyai kepercayaan terhadap diri mereka, ibu bapa memberi nasihat untuk membantu mereka dan remaja selesa terhadap ibu bapa yang mempunyi fikiran terbuka untuk mendengar (*Division of Adolescent and School Health* 2012). Kajian ini membuktikan bahawa komunikasi yang baik antara ibu bapa dengan anak-anak akan membentuk kepercayaan anak-anak kepada ibu bapa.

Oleh demikian, komunikasi ibu bapa dan anak yang kurang baik akan menjadikan remaja rasa seperti tidak diberi perhatian dan menyebabkan remaja selesa mencari orang di luar rumah mereka dan berkongsi cerita. Komunikasi yang negatif juga seperti menggunakan bahasa kesat dan tidak mengambil peduli ketika anak-anak sedang bercakap dengan ibu bapa antara punca anak-anak merasakan diri mereka seperti tidak disayangi atau dipunyai oleh ibu bapa. Hal ini menyebabkan anak-anak merasa dirinya seperti tidak bermakna dan mengakibatkan diri mereka mudah terjerumus melakukan tingkah laku devian.

Faktor Religiositi

Religi berasal dari bahasa Latin iaitu berasal daripada perkataan *relegree* membawa maksud mengumpul dan membaca iaitu dikaitkan dengan kandungan agama yang memberi penumpuan terhadap cara-cara mengabdikan diri kepada Tuhan yang termaktub di dalam kitab suci (Muhammadin 2013). Kornadt (2012) berpendapat, keagamaan merupakan perkembangan identiti, penglibatan awam, aktiviti prososial dan kepuasan hidup. Selain itu, agama merupakan sistem mikro hasil gabungan sistem kepercayaan serta latihan relatif berkaitan dengan Tuhan dalam sebuah masyarakat moral yang mewarisi kepercayaan dan latihan tersebut (Azizi et al. 2009). Miller, Shepperd dan McCullough (2013) menyatakan bahawa penglibatan remaja dalam aktiviti keagamaan turut mencerminkan didikan daripada ibu bapa. Faktor keagamaan sebenarnya adalah sebagai satu panduan kepada manusia agar segala tindakan manusia adalah berlandaskan yang telah ditetapkan dalam sesebuah agama dan membimbing manusia berada dalam kehidupan yang lebih baik.

Namun, isu berkaitan faktor kurangnya komitmen remaja terhadap agama antara faktor yang menyebabkan seseorang terjebak dalam membentuk tingkah laku devian. Menurut Khadijah et al. (2013), menyatakan pengetahuan agama yang baik akan memberi makna pada seseorang individu. Trommsdorff (2012) mendapati fokus utama dalam perkembangan dan diskripsi pengamalan agama terhadap remaja adalah ketika remaja berhadapan dengan tugas perkembangan yang tertentu semasa tempoh peralihan dari tahap kanak-kanak ke tahap dewasa. Remaja yang gagal dalam perkembangan dan diskripsi pengamalan agama akan menyebabkan mereka kurangnya komitmen terhadap agama sekaligus mudah untuk remaja terjerumus dengan gejala sosial.

Sorotan kajian lepas berkaitan religiositi dengan tingkah laku devian dalam kalangan remaja di Malaysia telah dilakukan oleh Fauziah et al. (2012), reka bentuk secara kuantitatif dijalankan terhadap remaja bermasalah dalam tingkah laku menunjukkan secara majoriti mempunyai tahap pengetahuan keagamaan yang sederhana. Kajian disokong oleh Dzulhailmi et al. (2014), mendapati rata-rata responden di Malaysia menunjukkan tahap rendah dalam pengamalan agama dan hal ini boleh menyebabkan mereka terjerumus dalam tingkah laku negatif. Dapatkan kajian disokong oleh Khadijah et al. (2013) menyatakan banduan yang kukuh dalam pegangan agama menunjukkan kurang terdedah untuk kecenderungan melakukan kesalahan-kesalahan lampau. Hal ini menunjukkan apabila seseorang individu mempunyai tahap pengetahuan dan amalan agama yang kurang, mereka mudah untuk terlibat gejala di luar batasan norma masyarakat seperti bertingkah laku devian.

Manakala dapatkan kajian Miller dan Strak (2002) mendapati perempuan lebih mempunyai tahap religiositi yang tinggi berbanding lelaki dan hal ini menyebabkan lelaki yang memiliki tahap religiositi yang rendah mudah terlibat dalam tingkah laku devian. Hal ini menunjukkan terdapat perbezaan komitmen agama antara lelaki dan perempuan. Kajian di United State, kajian oleh Stark dan Bainbridge (1996) pula mendapati terdapat perbezaan terhadap pandangan agama dengan penglibatan tingkah laku devian remaja. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa identiti remaja yang mempunyai tahap religiositi yang tinggi adalah berkecenderungan tidak terlibat dengan tingkah laku devian atau masalah sosial berbanding remaja yang mempunyai identiti religiositi yang rendah.

Azyyati et al. (2013) menyatakan remaja dalam tingkah laku bermasalah terdiri daripada remaja yang tidak mempunyai sokongan daripada individu serta persekitaran yang bertindak sebagai faktor pelindung seperti agama. Vaos (2010) mempunyai pendapat yang sama iaitu latihan praktikal terhadap nilai dan pehaman agama semakin merosot menyebabkan ibu bapa merasakan kurang bersosial dengan anak-anak mereka berkaitan dengan keagamaan. Agama adalah perkara yang penting kerana remaja yang mempunyai keagamaan secara personal secara majoriti berkawan dengan rakan yang mengamalkan amalan agama kurang terjebak dengan tingkah laku devian (Chaeyoon Lim

& MacGregor 2012). Kurangnya sokongan ibu bapa dalam membimbing anak-anak memahami agama dan kurangnya amalan agama bagi seseorang remaja menjadikan diri mereka mudah terpengaruh dengan rakan yang negatif untuk melakukan masalah sosial

Oleh demikian, Azzyati et al. (2013) mencadangkan satu kajian baharu perlu dilakukan untuk mengenal pasti masalah tingkah laku devian dalam kalangan remaja dari sudut perspektif agama. Hal ini kerana pengamalan agama merupakan perkara yang paling penting dalam membentuk tingkah laku anak-anak yang diterima oleh masyarakat. Lantaran itu, bimbingan agama adalah konsep yang melihat ke dalam identiti remaja dalam memilih tindakan atau tingkah laku negatif ataupun tingkah laku positif.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, peningkatan tingkah laku devian yang berlaku dalam kalangan remaja di Semenanjung Malaysia haruslah diberi perhatian yang serius oleh setiap lapisan masyarakat. Hal ini kerana peningkatan tingkah laku devian remaja yang berlaku akan memberi impak negatif yang berpanjangan kepada remaja jika isu ini tidak dibendung. Seteranya, berdasarkan konsep terhadap faktor pemantauan ibu bapa, jelas menunjukkan ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam memantau atau mengambil tahu pergerakkan harian anak-anak mereka. Ibu bapa harus memantau aktiviti selepas anak balik sekolah, rakan-rakan anak, aktiviti di luar rumah, menghadkan waktu keluar rumah, wang perbelanjaan dan sebarang aktiviti anak-anak perlu mendapat maklum daripada ibu bapa terlebih dahulu. Tindakan memantau pergerakkan anak-anak ini adalah bertujuan membantu remaja lebih peka dengan tindakan yang mereka lakukan dan mengikut norma masyarakat. Manakala, komunikasi ibu bapa dan anak adalah satu ruang untuk membina kasih sayang antara ibu bapa dengan anak. Komunikasi yang baik dengan ibu bapa akan membentuk satu kepercayaan kepada anak-anak bahawa ibu bapa adalah tempat mereka meluahkan perasaan dan merasakan diri mereka lebih selamat apabila berkongsi masalah dengan ibu bapa. Namun, jika anak-anak mempunyai masalah komunikasi dengan ibu bapa menyebabkan anak-anak atau remaja mencuba mencari ruang yang lain untuk melepas apa yang terpendam di dalam diri meraka. Limitasi berfikir untuk menyelesaikan masalah tersebut menjadikan anak-anak mengambil jalan mudah iaitu dengan terlibat dalam tingkah laku devian. Oleh itu, ibu bapa harus sedar bahawa anak-anak memerlukan perhatian daripada ibu bapa untuk mereka berkongsi cerita atau masalah yang mereka alami. Konsep bagi faktor religiositi adalah untuk melihat identiti remaja terhadap komitmen mereka dengan penglibatan agama masing-masing. Kajian lepas menunjukkan remaja yang kurang dalam amalan dan pengetahuan tentang agama antara remaja yang mudah terjerumus dengan isu gejala sosial. Lantaran itu, remaja perlu mendapat bimbingan agama daripada ibu bapa atau orang-orang beragama dalam membentuk diri yang positif sekaligus remaja lebih berfikiran matang dalam menentukan tingkah laku negatif ataupun positif.

RUJUKAN

- Ausubel, D. P., Montemayor, R. & Svajian. 1977. *Theory and Problem of Adolescent Development*. New York: GRUNE & STRATTON.
- Azizi Yahya, Halimah Ma'alip, Shahrin Hashim, Yosof Boon & Jamaludin Ramli. 2009. *Modal Insan: Membantu Keluarga Berkesan*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Azzyati Mohd Nazam, Fariza Md. Sham & Salasiah Hanin Hamiah. 2013. Ciri-Ciri Remaja Berisiko: Kajian Literatur. *Islamiyat*. 35 (1), 111-119.
- Barnes, G. M., Reifman, A. S., Farrell, M. P., & Dintcheff, B. A. 2000. The effects of parenting on the development of adolescent alcohol misuse: A six-wave latent growth model. *Journal of Marriage and the Family*, 62, 175-186.
- Bo Wang, Bonita Stanton, Xiaoming, Lesley Cottrell, Lynette Deveaux & Linda Kaljee. 2013. The influence of parental monitoring and parent-adolescent communication on Bahamian adolescent risk involvement: A three-year longitudinal examination. *Soc Sci Med*. 97, 161-169. doi:10.1016/j.socscimed.2013.08.013.

- Chaeyoon Lim & MacGregor, C. A. 2012. Religion and Volunteering in Context: Disentangling the Contextual Effects of Religion on Voluntary Behavior. *American Sociological Review*. 77(5), 747-779. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/41723059>. [23 Januari 2017].
- Division of Adolescent and School Health. 2012. Monitoring Your Teen's Activities: What Parents and Families Should Know. Retrieved from https://www.cdc.gov/healthyyouth/protective/pdf/parental_monitoring_factsheet.pdf. 1 Februari 2017.
- Dzuhalimi Dahalan, Krauss, S. E., Azimi Hamzah & Abd Hadi Sulaiman. 2014. Pegangan Agama Dalam Kalangan Belia Awal Pelbagai Kaum Di Malaysia (Religious Stand Among Multi-Racial Early Youth In Malaysia). *Journal Of Social Sciences And Humanities*. 9(1), 117-130.
- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimi Mohamad, Noremy Md Akhir & Salina Nen. 2012. Memperkasakan Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkah Laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera. *Journal Of Social Science And Humanities*. 7(1), 084-093.
- Garner, R. E., Findlay, L. C. & Kohen, D. A. 2010. Parental monitoring of adolescent's behavior: Trajectories, risk factor and associated outcomes. *Health Information and Research Division, Statistik Canada*.
- James, J., Hart, B. & Tonya, D. 2005. Peer Influences on Risk Behavior: An Analysis of the Effects of a Close Friend. *Developmental Psychology*. 41 (1), 135-147.
- Jas Laile Suzana Jaafar. 2002. Psikologi Kanak-Kanak & Remaja. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kaplan H. B. & Cheng-hsien Lin. 2000. Deviant Identity as a Moderator of the Relation Between Negative Self-Feelings and Deviant Behavior. *Journal of Early Adolescence*. 20 (2), 150-177.
- Khadijah Alavi, Fauziah Ibrahim, Mohd Suhaimi Mohamad, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Salina Nen & Norulhuda Sarnon. 2013. Tahap Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Banduan Parol: Ke Arah Pembentukan Akhlak Sejahtera. *Journal of Social Sciences and Humanities*. 8(2), 001-010.
- Khalim Zainal. (2014). *Pengurusan Disiplin Pelajar Sekolah*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Laird, R. D., Pettit, G. S., Bates, J. E. & Dodge, K. A. 2003. Parents' Monitoring-Relevant Knowledge and Adolescents' Delinquent Behavior: Evidence of Correlated Developmental Changes and Reciprocal Influences. *Child Dev*. 74(3), 752-768.
- Laporan Statistik Jabatan Kebajikan Malaysia. 2015. Retrieved From http://www.jkm.gov.my/jkm/uploads/files/penerbitan/Buku%20JKM%202015%20A2_Final.pdf. 26 Disember 2016.
- Lytle, L. A., Birnbaum, A. Boutelle, K. & Murray, D.M. 1999. Wellness and risk communication from parent to teen: the ``Parental Energy Index''. *Health Education*. 99 (5), 207 – 214: <http://dx.doi.org/10.1108/09654289910294732>.
- Maklumat Dadah 2015. 2015. Agensi Antidadah Kebangsaan. Kementerian Dalam Negeri. Retrieved from <http://www.adk.gov.my/html/pdf/buku%20maklumat%20dadah/BUKU%20MAKLUMAT%20DADAH%202015.pdf>. 8 Mac 2017.
- Mena, M. P., Dillon, F. R., Mason, C. A. & Santisteban, D. A. 2008. Communication About Sexually-Related Topics Among Hispanic Substance-Abusing Adolescents and Their Parents. *J Drug Issues*. 38(1), 215-234. doi:10.1177/002204260803800110.
- Miller, W.A., Shepperd, J.A. & McCullough, M. E. 2013. Evaluating the Religious Commitment Inventory for Adolescents. *Psychology of Religion and Spirituality*. 5 (4), 242–251.
- Mohammad Nasir Bistamam, Aslina Ahmad, Amelia Mohd Noor, Ahmad Jazimin Jusoh, Mohd Bazlan Mustafa, Noraini Ismail, Samsiah Mohd Jais, Faizura Rohaizad, & Mohd Noor Idris. 2015. Profil Tingkah Laku Remaja Berisiko Mengambil Dadah. *Jurnal Antidadah Malaysia*. 9 (1), 2231-9387.
- Muhammadin. 2013. Kebutuhan Manusia Terhadap Agama. *JIA*. 14(1), 99-114.

- Muhammed Sharif Mustaffa & Suria Abd Jamil. 2012. Mengenal Pasti Punca-Punca Masalah Ponteng Di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah: Satu Kajian Kes. *Journal of Educational Psychology & Counseling*. 6, 50-73.
- Muhwezi, W. W., Katahoire, A. R., Banura, C., Mugooda, H., Kвесiga, D., Bastien, S. & Klepp, K. I. 2015. Perceptions and experiences of adolescents, parents and school administrators regarding adolescent-parent communication on sexual and reproductive health issues in urban and rural Uganda. *Reproductive Health*. 12-110. DOI 10.1186/s12978-015-0099-3.
- Mullen, E. & Nadler, J. 2008. Moral Spillovers: The Effect Of Moral Violations On Deviant Behaviour. *Journal of Experimental Social Psychology*. 44, 1239–1245.
- Newman, K., Harrison, L., Dashiff, C. & Davies, S. 2008. Relationship Between Parenting Style and Risk Behavior In Adolescent Health: An Integrative Literature Review. *Rev Latino-am Enfermagem Janeiro-Fevererio*, 16 (1), 142-50.
- Norsimah Dasan, Balan Rathakrishnan & M.Mahadzir M Nawi. 2014. Pemantauan Ibu Bapa Terhadap Persepsi Tingkah laku Seksual Berisiko Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam di Sabah. *Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014*.
- Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, Sahlawati Abu Bakar, Zanariah Dimon & Asma' Wardah Surtahman. 2015. Permasalahan Sosial Dalam Kalangan Remaja Di Selangor:Satu Tinjauan. *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah Dan Syariah 2015 (IRSYAD2015)*.
- Pecchioni, L. L., Wright, K. B. & Nussbaum, J. F. 2005. *Life-Span Communication*. United State of America: Lawrence Erlbaum Associates, Publishers.
- Pepler, D.J. & Craig, W.M. 1988. Making a Difference in bullying. Toronto: LaMarsh Centre for Research on Vioence and Conflict Resolution, York University.
- Puti Sari Hidayangsih, Dwi Hapsari Tjandrarini, Rofingatul Mubasyiroh & Supanni. 2011. Faktor-Faktor Yang Berhubungan Dengan Perilaku Berisiko Remaja Di Kota Makassar Tahun 2009. *Bul. Penelit. Kesehat.* 39 (2), 88-98.
- Ramos, V. G., Jaccard, J., Dittus, P. & Bouris, A. M. 2006. Parental Expertise, Trustworthiness, and Accessibility: Parent-Adolescent Communicationand Adolescent Risk Behavior. *Journal of Marriage and Family*. 68 (5), 1229-1246.
- Rina Gupta, Derevensky, J. L. & Ellenbogen, S. 2006. Personality Characteristics and Risk Taking Tendencies Among Adolescent Gamblers. *Canadian Journal of Behavioural Science*. 38 (3), 201-213. DOI: 10.1037/cjbs2006008.
- Santrock, J. W. 2008. *Essentials of Life-Span Development*. Kuala Lumpur: McGraw Hill Higher Education.
- Shader, M. 2001. *Risk Factors for Delinquency: An Overview*. United States. Office of Justice: U.S. Department of Justice, Office of Justice Programs, Office of Juvenile Justice and Delinquency Prevention..
- Smith, P. K. & Thompson, D. 1991. *Practical Approaches to Bullying*. London: David Fulton.
- Stattin, H., & Magnusson, D. 1991. Stability and change in criminal behaviour up to age 30. *British Journal of Criminology*. 31, 327-346.
- T. de Guzman, M. R. & Pohlmeier, L. A. (2014). High-Risk Behaviors in Youth. *Families, Adolescence and Youth*.
- Trommsdorff, G. 2012. Culture Perspective on Value and Religion in Adolescent Development. Dlm. Trommsdorff, G. & Xinyin Chen (pnyt). *Values, Religion, and Culture in Adolescent Development*, hlm. 3-45. United State, Amarika: Cambridge Universiti Press.
- Vaos, D. 2010. Expalining change overtime in religious involvement. Dlm. Collins-Mayo, S. & Dandelion, P. (pnyt). *Religion and Youth: Theology and Religion in Interdisciplinary Perspective Series in Association with the BSA Sociology of Religion Study Group*, hlm. 25-32. United Kingdom: MPG Books Group.
- Warr, M. 1993. "Age, Peers and Delinquent.". *Criminology*. 31, 17-40
- World Youth Report. 2003. *Juvenile Delinquency*. Retrieved from <http://www.un.org/esa/socdev/unyin/documents/ch07.pdf>. 27 Disember 2016.